



PERBADANAN KEMAJUAN FILEM NASIONAL MALAYSIA

NOTIS MAKLUMAN

PENUTUPAN KAUNTER PELESENAN FINAS DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Kepada pelanggan yang dihormati,

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) merujuk kepada pengumuman Kerajaan yang telah memutuskan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) penuh (*total lockdown*) bermula 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021.

Sehubungan itu, semua perkhidmatan dan janji temu secara bersemuka di Kaunter Pelesenan FINAS akan **DITUTUP**. Pelanggan boleh membuat permohonan lesen baharu dan permohonan pembaharuan lesen secara atas talian (*online*) seperti butiran berikut:

I. PERMOHONAN LESEN BAHARU

Bagi permohonan lesen baharu tuan/puan boleh membuat permohonan melalui atas talian (*online*) dengan mengisi **Borang BPL-1** yang boleh didapati melalui pautan <https://www.finas.gov.my/services/licensing-new-license-application/> serta mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan.

II. PEMBAHARUAN LESEN

Bagi permohonan pembaharuan lesen tuan/puan boleh membuat permohonan melalui atas talian (*online*) dengan mengisi **Borang BPL-2** yang boleh didapati melalui pautan <https://www.finas.gov.my/services/licensing-renewal-of-license/> serta mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan.

Bagi pelanggan yang membuat permohonan melalui atas talian (*online*), semua dokumen yang berkaitan hendaklah dikemukakan melalui emel di pelesenanfinas@gmail.com. Permohonan akan disemak terlebih dahulu dan permohonan yang lengkap sahaja akan diproses bagi membuat pembayaran dan tindakan selanjutnya. Permohonan secara atas talian (*online*) hanya dalam tempoh pelaksanaan PKP penuh (*total Lockdown*) bermula 1 Jun 2021 sehingga 14 Jun 2021 atau sehingga dimaklumkan kelak.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh berhubung dengan Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan FINAS di talian **011-11354195/ 012-9714751**

Unit Komunikasi Korporat
Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS)
1 Jun 2021